

PM perlu dengar suara pengamal media

Belalang ucapkan Selamat Hari Wartawan Nasional (HAWANA) bakal diraikan esok kepada rakan pengamal media, termasuk kepada yang sudah berkumpul di Ipoh sejak semalam lagi. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut turun padang bersama merayakan hari menghargai, mengiktiraf dan mengenang pengorbanan serta sumbangan golongan dijolok sebagai *fourth estate* atau kuasa keempat.

Belalang minta Perdana Menteri dapat mendengar sendiri isu berkaitan kelangsungan media dan kewartawanan yang akan terus sampai ke telinganya tanpa 'orang tengah' daripada kebebasan bersuara dan perlindungan daripada sebarang elemen mengganggu-gugat profesionalisme wartawan hingga soal kebajikan dalam kehidupan mereka. Ini bukan bermakna media bergantung kepada kerajaan, tetapi dasar dihasilkan perlu memastikan pengamalnya dapat menunaikan tanggungjawab penting kepada rakyat dan negara.

Justeru, biarlah Majlis Media Malaysia direalisasikan pada era pentadbiran Anwar kerana sudah sekian lama disuarakan, bahkan menteri bertanggungjawab bukan sahaja silih berganti, nama jawatan juga banyak kali bertukar. Kerajaan juga perlu berbuat sesuatu untuk menjaga kebajikan dan pendapatan wartawan serta pengamal media yang terjejas akibat gelombang teknologi maklumat lebih menguntungkan syarikat gergasi seperti Google, Facebook dan TikTok yang mendapat habuan besar daripada pengiklanan akibat 'padang tidak rata.'